UUM/BD49/BH/21.11.2005/P:11(1)

Projek keusahawanan UUM patut dicontohi

BH 21/11/05 11:1

ISU pengangguran di kalangan siswazah di negara ini bukan perkara baru. Isu ini sangat merunsingkan semua pihak termasuk ibu bapa, institusi pengajian tinggi awam (IPTA), siswazah mahupun kerajaan.

Walaupun beberapa usaha telah dilakukan kerajaan dalam menangani isu ini, masalah pengangguran di kalangan siswazah terutama lepasan IPTA masih berlaku. Kita menyedari hakikat bahawa penawaran kerja dalam sektor awam sangat terhad berbanding jumlah pemohon di kalangan siswazah semakin bertambah saban tahun.

Kita juga menyedari sebahagian besar punca rezeki itu berada dalam bidang perniagaan. Ini bermakna siswazah IPTA perlu insaf bahawa peluang pekerjaan sememangnya terbentang luas dalam sektor perniagaan.

Baru-baru ini, Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah mengambil daya usaha mendaftarkan siswazah menganggur. Dari satu segi, usaha itu adalah baik untuk mendapatkan data dan gambaran mengenai jumlah sebenar siswazah menganggur.

Kita berharap kerajaan dapat membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang lebih komprehensif dalam menangani isu pengangguran siswazah.

Saya ingin mengesyorkan supaya pihak IPTA juga dapat menilai semula program masing-masing, sama ada yang berorientasikan akademik, kokurikulum mahupun kegiatan mahasiswa supaya diterapkan ilmu keusahawanan dengan lebih berkesan.

Selain aspek teori mengenai keusahawanan, saya fikir sudah sampai masanya IPTA memperkenalkan program keusahawanan yang lebih bersifat 'tangible' supaya dapat diceburi oleh mahasiswa.

Saya yakin projek keusahawanan yang bersifat tangible perlu disertai mahasiswa pada peringkat lebih awal untuk memberikan pendedahan sebenar kepada mereka terhadap dunia perniagaan.

Dalam tinjauan saya ke beberapa IPTA tahun lalu, saya mendapati ada di kalangan kelab usahawan di kolej kediaman tidak menunjukkan kemajuan yang menggalakkan. Aktiviti perniagaannya sekadar melepaskan batuk di tangga dan tidak berdaya maju.

Saya fikir, selain aktiviti perniagaan peringkat induk, aktiviti pada peringkat kolej dan kelab pelajar juga mempunyai potensi untuk berkembang maju jika IPTA mempunyai sistem yang baik dalam aspek bimbingan, pemantauan termasuk audit dan penilaian prestasi.

Saya lihat Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengorak langkah proaktif dalam projek keusahawanan mahasiswa. UUM bukan saja memperkenalkan aspek teori perniagaan tetapi juga memberi peluang mahasiswa mencebur diri dalam perniagaan secara praktikal mengikut kertas kerja yang dibuat oleh mahasiswa sendiri.

Selain itu, UUM juga telah menyediakan tapak dan lot perniagaan kepada mahasiswa yang berminat menjalankan perniagaan dalam kawasan kampus. Aktiviti auditnya begitu kemas dan mantap.

Pendekatan seperti ini sememangnya baik dan menepati hasrat mahasiswa, ibu bapa dan masyarakat yang ingin melihat siswazah berilmu terbabit secara langsung dalam dunia perniagaan selepas mereka menamatkan pengajian dan tidak lagi bergantung kepada kerajaan atau mengharapkan kerja makan gaji semata-mata.

Harapan kita ialah agar IPTA yang lain dapat mencontohi pendekatan atau amalan terbaik UUM dalam menangani isu ini dan menggunakan idea itu sambil berusaha melakukan perubahan sesuai.

Langkah ini bukan saja bertujuan memperbaiki skim yang sedia ada tetapi juga menambahkan jumlah atau penyertaan mahasiswa dalam program keusahawanan sambil membantu kerajaan menambah bilangan usahawan siswazah di negara ini sejajar dengan matlamat melahirkan masyarakat perdagangan Bumiputera.

Saya mengesyorkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi supaya memberi keutamaan kepada mahasiswa yang pernah menceburi projek keusahawanan di kampus untuk mendapatkan bantuan kewangan dan kemudahan lain supaya mereka dapat meneruskan aktiviti perniagaan ke tahap lebih maju dan skop yang lebih besar.

Mungkin kerajaan perlu memperkenalkan Skim Usahawan Siswazah dalam bentuk baru yang lebih istimewa kepada siswazah IPTA yang telah memulakan perniagaan sewaktu berada dalam kampus sebagai galakan kepada mereka mempertingkatkan daya saing pada peringkat nasional dan global.

Pendekatan ini akan memberikan dorongan dan motivasi kepada mahasiswa lain untuk menceburi dunia perniagaan apabila menamatkan pengajian kelak.

MOHD FUAD HASHIM,
Bukit Gambir, Muar.